

24/06/2002

Ayah ingin bersara untuk tumpu ibadat: Marina

Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Ahad - Anak sulung Perdana Menteri, Datin Paduka Marina Mahathir berkata, bapanya sudah beberapa kali menyatakan hasratnya mahu bersara kerana ingin menghabiskan sisa-sisa hidup untuk beribadat.

Bagaimanapun, katanya, beliau dan adik-beradik lain menganggap hasrat bapa mereka itu sebagai gurauan semata-mata kerana sikap Dr Mahathir yang suka bergurau dengan ahli keluarganya.

Kerana itu, Marina dan seluruh ahli keluarganya terkejut apabila menerima berita peletakan jawatan yang dibuat oleh Perdana Menteri ketika menggulung perbahasan di akhir perhimpunan agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) semalam.

"Beliau pernah beberapa kali menyatakan hasrat untuk meletakkan jawatan dalam parti dan kerajaan kepada kami sekeluarga kerana ingin menghabiskan masa tua seperti orang biasa dengan beribadat seperti mana dilakukan oleh kebanyakan mereka yang sudah bersara.

"Bagaimanapun, kerana beliau selalu bergurau, semua ahli keluarga tidak menjangka dia benar-benar serius. Saya tidak tahu reaksi ibu dan adik-beradik lain kerana tidak ada bersama mereka.

"Saya bertemu semua ahli keluarga di Seri Perdana malam tadi selepas semuanya selesai. Semuanya kelihatan tenang... begitu juga dengan ayah dan ibu (Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali)," katanya ketika dihubungi Berita Harian hari ini.

Marina yang juga Presiden Majlis Aids Malaysia berada di Bangkok kerana menghadiri satu persidangan ketika bapanya membuat pengumuman itu. Beliau berlepas pulang malam tadi sebaik menerima berita mengenainya.

Ditanya mengenai reaksi beliau sekeluarga mengenai persetujuan Dr Mahathir untuk terus menerajui Umno, Barisan Nasional dan kerajaan, Marina berkata beliau tidak pasti sama ada bapanya menarik balik keputusannya meletakkan jawatan.

Katanya, beliau hanya mengetahui pengumuman penarikan balik keputusan itu seperti diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam tadi.

"Pak Lah yang mengumumkan keputusan itu tetapi saya tidak tahu sama ada beliau menarik balik keputusannya atau tidak. Lagipun saya tidak berada di situ," katanya yang kali terakhir bertemu Dr Mahathir ketika percutian mereka di Itali awal bulan ini.

Ketika di Itali, katanya, ayahnya kelihatan biasa. "Moodnya begitu baik sekali sepanjang percutian itu, tidak nampak apa-apa perubahan. Bagaimanapun, beliau memang sukar meluahkan perasaan kepada orang lain," katanya.

(END)